



**TINJAU...Aziz melawat kawasan banjir di Kampung Laut Skudai yang dinaiki air kali kedua selepas hujan lebat sejak malam semalam.**

**Sekitar banjir**

met n 27/12

# Pindah kali kedua

1,000 penduduk 2 kampung di Skudai hanya sempat berada sehari di rumah

**>>Oleh Ibrahim Isa dan Ahmad Othman**

**J**OHOR BAHRU: Kurang 24 jam pulang ke rumah, kira-kira 1,000 penduduk di Kampung Laut Batu 10 dan penduduk Lorong Aris Batu 8.5 Skudai, di sini, terpaksa dipindahkan semula ke penempatan sementara berikutan rumah mereka dinaiki air, semalam.

Daripada jumlah itu, lebih 700 penduduk Kampung Laut dipindahkan semula ke Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Cina (C) Pu Sze, Skudai, manakala lebih 200 penduduk Lorong Aris dipindahkan ke masjid kampung berkenaan.

Seorang penduduk Kampung Laut, Noran Idris, 54, berkata dia pulang ke rumah kelmarin selepas banjir di rumahnya surut tengah malam Ahad.

“Sebaik sedar air surut, saya memberitahu keluarga di pusat pemindahan sementara supaya pulang dan kami membersihkan rumah bermula kira-kira jam 8 pagi hingga 8 malam (Isnin).

“Bagaimanapun, malam semalam (kelmarin) hujan lebat berterusan hingga kira-kira jam 4 pagi menyebabkan kami sukar tidur kerana bimbang air naik.

“Pagi tadi (semalam), jangkakan kami tepat apabila mendapati air di longkang mulai penuh dan hujan lebat semula,” katanya.

Menurutnya, kira-kira jam 7 pagi, air mula memasuki rumahnya dan dia mengarahkan keluarganya berpindah semula ke pusat pemindahan sementara manakala dia menumpang di rumah jiran berhampiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nusa Jaya, Aziz Sapian berkata, berikutan hujan lebat dan air pasang, dua kampung berkenaan dinaiki air semula dalam tempoh kurang 24 jam selepas semua mangsa pulang ke rumah masing-masing.

Berikutan itu, beliau berkata, pihaknya mengarahkan lebih 1,000 penduduk di dua kampung berkenaan supaya berpindah semula ke pusat pemindahan sementara yang dibuka semula.

“Selain itu, kami juga sudah memindahkan barangan bantuan makanan yang mereka terima ke pusat pemindahan sementara semula bagi memastikan ia tidak rosak dinaiki air.

“Kami sudah mengarahkan semula penduduk pindah ke pusat pemindahan dan meminta pihak berkuasa memotong bekalan elektrik,” katanya.